

# ATM boleh sertai

20 SEP 1988

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) tidak menghalang penyertaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi acara silat olahraga di Kejohanan Sukan Malaysia (Sukma) pada 12 hingga 19 November ini, lapor mOHD RAHIME YUSOF.

Walaupun ATM bukan ahli gabungan Pesaka, ia berhal menyerakan pesilat mereka bertanding di Sukma asalkan memenuhi syarat ditetapkan oleh Jawatkuasa Pengaturan Sukma '88.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata Pesaka memang mengalu-alukan penyertaan ATM bagi acara silat olahraga itu, jika mereka ingin berbuat demikian.

Katanya, sekalipun ATM bukan ahli gabungan, untuk Sukma mereka berhak bertanding dalam apa juga acara termasuk silat olahraga.

Bagaimanapun tambah beliau, ATM perlu menyediakan pesilat berumur bawah 23 ta-

hun seperti ditetapkan oleh ~~Ministry of~~ ~~Ministry of~~ pengaruh.

"Kami memang mengalu-alukan penyertaan ATM kerana ia boleh meramaikan bilangan penyertaan, selain meningkatkan mutu silat olahraga di negara ini," kata Setiausaha Pesaka itu.

Setakat ini, Pesaka belum mengiktiraf ATM sebagai ahli gabungan badan induk itu bagi mebolehkan mereka bertanding atas tiket sendiri di Kejohanan Kebangsaan.

Abdul Rahman berkata, ATM boleh menyerakan skuad silat mereka, sekalipun masih belum menjadi ahli gabungan Pesaka.

Katanya, jika ATM mempunyai pesilat bawah umur 23 tahun, mereka berhak turut serta.

Setakat ini, pesilat-pesilat ATM bertanding atas tiket negeri atau Pertubuhan utama yang bergabung dengan badan induk itu bagi menyertai Kejohanan Kebangsaan.

## Silat tomoi Kedah B. Hanan (M) bermula - 6 OCT 1988 hari ini

TIGA puluh enam peserta mengesahkan penyertaan peringkat saringan Kejohanan Seni Silat Tomoi Kedah di Gelanggang Budaya Alor Star selama dua hari mulai hari ini, lapor HAMLI ASADI.

Tiga acara dipertandingkan di kejohanan itu, iaitu heavy, middle dan light bagi merebut tali pinggang pusingan Tunku Datuk Hosna ibni Almarhum Sultan Badlishah, Guinness Stout dan Kang Phee Keat.

Lapan peserta menyertai acara heavy, 20 middle dan selebihnya light.

Pengerusi kejohanan, Ahmad Fuad Haji Zakaria, berkata kejohanan yang julung kali diadakan itu dijangka hebat kerana antara peserta yang mengambil bahagian pernah memenangi beberapa kejohanan di selatan Thailand.

Kejohanan anjuran bersama Kelab Sukan dan Seni Silat Tomoi Alor Star, Jabatan Belia dan Sukan Kedah serta Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan Kedah adalah dalam rangka memperkenal dan menjadikan seni silat sebagai sukan popular di kalangan masyarakat Kedah.

Menurut Ahmad Fuad, 12 peserta akan melepas peringkat saringan, empat bagi setiap acara untuk peringkat akhir yang akan berlangsung di Dewan Datuk Syed Omar pada 21 Oktober ini.

Orang ramai boleh menyaksikan pertandingan peringkat saringan dengan percuma tetapi perlu mendapatkan pas masuk untuk peringkat akhir.

Pas-pas boleh didapati dari Sainsbury Tour & Travel, 207 Jalan Putera; Yong Shin City Point; Tingkat Bawah, Bangunan MPKS; CT Tour (Kedah) Sendirian Berhad, 90 Pekan Melayu; Oscar Travel Service Agency, 61 Jalan Langgar; Lucky Air-Con, 17 Seberang Jalan Putera atau dari Hamli Asadi, Pejabat Berita Harian, Pumpong, Alor Star.

## Perasmian

14 OCT 1988

■ PERGURUAN Silat Setia Bakti Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) akan mengadakan majlis perasmian gelanggang silat di Balai Rakyat Yishun di Yishun Ring Road mulai 7.30 malam esok.

Perguruan itu juga mengadakan kumpulan kendarat.

Hubungi Encik Azma Mozalam (7557443) atau Encik Farid Ali (7529246).